Manakala ayat dalam dialog, A: *That's the telephone*, B: *I'm in the bath*, dan A menjawab: *O.k*, mewujudkan istilah koheren secara tersendiri tanpa kohesi hasil hujahan Morgan dan Sellner (1980), Carrell (1982), Brown dan Yule (1983), Nuttall (1982:15–17) dan Widdowson (1978:29). Ayat dialog di atas tidak mempunyai alat kohesi yang dinyatakan secara eksplisit tetapi wacana itu tetap difahami kerana ayat B dapat diinterpretasikan sebagai “aku dalam bilik mandi dan oleh itu, aku tidak dapat mengangkat telefon”. Sementara perkataan *O.k* oleh A membawa maksud yang dapat dijelaskan sebagai, “jika begitu biar aku yang mengangkatnya”.

Ketiga-tiga ayat yang diuraikan di atas menunjukkan perbezaan yang jelas antara kohesi dan koheren. Kohesi membawa kepada hubungan makna dalam teks dan koheren berlaku dengan kohesi dan tanpa kohesi. Contoh ketiga adalah koheren yang terdapat dalam wacana lisan juga terdapat dalam wacana tulisan. Koheren dapat dibahagikan kepada koheren dalam teks dan diluar teks, iaitu koheren dapat dilihat berdasarkan teks dan berdasarkan reaksi pembaca (Lee, 2002; Johns, 1986).

Halliday dan Hasan (1985:4-6), dan Sato (1991:31) menjelaskan betapa pentingnya ciri-ciri luaran linguistik yang membantu menghubungkan satu urutan yang membentuk hubungan semantik dan kebahasaan melalui tatabahasa dan perbendaharaan kata, serta membezakan teks daripada bukan teks. Perkaitan kebahasaan ini menunjukkan bahawa ayat-ayat yang membentuk wacana bukanlah berdiri sendiri, tetapi saling bergantung antara satu sama lain dan menjadikan wacana satu kesatuan struktur (Wong, 1995:123). Menurut Asmah Omar (1987:169), Alarcon dan Morales (2011), dan Tanskanen (2006) menyatakan ciri-ciri linguistik membantu menjadikan urutan ayat sebagai teks dan tenunan ini membentuk kesatuan dan kesepaduan yang diperlihatkan oleh sifat-sifat lahiriah teks.

Setiap struktur wacana naratif terbina dengan ciri-cirinya yang tersendiri yang membezakannya dengan teks yang lain. Komponen yang mendasarinya mempunyai perkaitan proses antara satu sama lain yang menunjukkan kerencaman struktur kandungan wacana. Natalia (2016) menjelaskan struktur makro wacana yang terletak pada struktur induk mempunyai hubungan dan kaitan dengan struktur mikronya.

Jalanan makna dan hubungan antara unsur bahasa dalam struktur wacana naratif dapat ditelusuri oleh peranan kohesi. Struktur yang dibentuk itu dibangunkan dengan menggunakan alat linguistik yang tertentu yang diambil dan diolah untuk membentuk kerangka yang terkait antara satu sama lain dengan ikatan yang kukuh dengan

menggunakan kohesi. Xhepa (2016) menjelaskan penyelidikan dalam bidang wacana dan linguistik menegaskan kohesi dan koheren sebagai elemen penting yang mendirikan sesebuah teks dan merupakan satu fenomena yang saling melengkapi. Wacana naratif merupakan sebahagian daripada linguistik teks dan berkaitan dengan hubungan antara bahagian-bahagian ayat yang membentuk sebuah teks.

Dengan kohesi, pemahaman dapat dijana melalui perkaitan ayat antara bahagian, antara struktur induk yang berlainan melalui sintaksis dan tatabahasa. Sekiranya sesebuah wacana mempunyai kohesi, ianya memudahkan untuk memahami maklumat dengan pantas (Xhepa, 2016). Hubungan kohesi yang dirasai itu bukan sahaja dari aspek bahasa tetapi daripada idea yang saling berhubung antara ayat dengan ayat yang lain dalam sesuatu karangan (Nurmasitah Mat Hasan dan Jama'yah Zakaria, 2015).

Alat linguistik eksplisit, iaitu kohesi sangat penting dalam struktur wacana naratif bertulis jika dibandingkan dengan teks lisan. Ini kerana sasaran hasil penulisan adalah untuk pembaca yang tidak dikenali yang hadir selepas itu, biasanya dalam situasi di luar jangkaan (Looi, 1998). Kohesi juga secara amnya merujuk kepada kehadiran isyarat linguistik dalam struktur teks yang membolehkan pembaca membuat hubungan antara idea-idea dalam teks.

Secara umum, Pearson (2006) menjelaskan teks wacana naratif dan ekspositori dapat dicapai melalui kohesi dan pautan semantik yang dapat dicapai melalui rentasan struktur hierarki global, iaitu merentasi perenggan dan teks, dan hierarki lokal, iaitu merentasi isyarat pertindihan kata dan perkaitan antara ayat. Sebagai contoh, petunjuk kohesi global merangkumi pertindihan semantik dan leksikal antara perenggan dalam teks (Foltz, 2007) sehingga perkataan atau idea dalam satu perenggan diulang pada perenggan berikutnya.

Di samping itu, kewujudan koheren dalam wacana tulisan yang berpusatkan teks diakui sarjana linguistik seperti Maan dan Thompson (1987), bahkan beliau mengasaskan satu bentuk teori koheren yang berasaskan organisasi teks. Beliau menggariskan pendekatan kajian berasaskan struktur dan organisasi teks untuk menggambarkan keseluruhan teks wacana kerana ianya penting untuk menghubungkan perihal interaksi antara penulis dan pembaca.

Kajian teori organisasi teks tidak hanya tertumpu kepada jenis bahagian dalam teks, susunan bahagiannya, dan cara pertautannya untuk membentuk keseluruhan teks, bahkan juga memberikan penjelasan deskriptif secara natural dalam mana-mana bahagian teks (Maan dan Thompson 1987). Tanpa kesepaduan, karya yang bertulis kelihatan mungkin tidak mengalir dengan baik. Akhirnya kekurangan koheren boleh merencatkan pemahaman pembaca dan menyebabkan perlakuan komunikasi menjadi tidak berkesan (Komilovich, 2019).

Koheren berdasarkan teks didefinisikan dengan menghubungkan ayat menggunakan kohesi atau menghubungkan ayat menggunakan ujaran dalam teks (Johns, 1986). Koheren berdasarkan teks juga dipersetujui Mohd Azidan Abdul Jabar dan Ab. Halim Mohamad (2017), yang menyatakan piawaian ketekstualan kohesi dan koheren lebih bersifat *text-centred* kerana operasinya lebih bertumpu kepada bahan atau isi teks.

Selain itu, terdapat koheren diluar teks yang berkaitan dengan tindakan lakuan ilokusi, iaitu perlakuan niat pengucapan yang terdapat dalam sesuatu ujaran (Muhammad Zuhair 2017) seperti arahan, amaran atau janji yang membawa kepada berlakunya wacana. Namun, untuk mempunyai koheren berdasarkan pembaca bermaksud bahawa teks tidak dihasilkan secara terpisah daripada pembaca. Interaksi yang berjaya antara pembaca dan teks diperlukan melalui koheren luaran teks (Carrell, 1982; Hoey, 2001). Mohd Azidan Abdul Jabar dan Ab. Halim Mohamad (2017) menerangkan lima piawaian ketekstualan yang lain lebih bersifat *user-centred* kerana ia lebih menumpukan kepada aktiviti komunikasi teks di antara penghasil dan penerima teks.

Mohd Azidan Abdul Jabar dan Ab. Halim Mohamad (2017) menjelaskan koheren lebih menjurus kepada hubungan di antara wacana dengan pendengar atau pembacanya. Tahap koheren dalam wacana hanya boleh ditentukan oleh seseorang yang mengetahui bahasa yang digunakan serta memahami topik perbincangannya. Dalam hal ini, penyelidik sebagai pembaca dan pengkaji menggunakan dua metod untuk menentukan hubungan dalam teks menggunakan metodologi kohesi dan koheren. Pernyataan ini bererti, kohesi merupakan unsur utama yang perlu dititikberatkan dalam penghasilan sesebuah wacana dan diikuti dengan koheren.

1.3 Pernyataan Masalah

Wacana naratif tidak dapat dipisahkan daripada teks al-Quran. Pembaca al-Quran merasai keindahan dan kekaguman dengan cara serta jalan penceritaan dan merasakan dirinya sebagai sebahagian dari cerita itu, seolah-olah berada pada masa dan waktu tersebut. Tambahan pula, pembaca kadang-kadang merasakan dialog yang disampaikan sesuatu watak seperti ditujukan kepada dirinya dan merasai pengalaman watak-watak itu. Teknik naratif hebat ini membuatkan pembaca merasakan bahawa kisah itu hidup kembali walaupun ia berlaku berabad-abad yang lalu, adalah sesuatu yang mengagumkan (Amal Riyadh, 2016). Beliau menyatakan al-Quran memerihalkan gambaran sesebuah cerita dengan sangat menyentuh jiwa dengan kekuatan sensual, kognitif dan imaginatif.

Walaupun begitu, persoalan yang timbul dimanakah terletaknya kekaguman pembaca yang merasakan dirinya adalah sebahagian daripada kisah, seolah-olah kisah itu hidup semula dan merasainya dengan menjadi sebahagian daripadanya. Adakah ianya terletak pada sesuatu perkataan, ayat, perkaitan lafaz atau perkaitan makna. Persoalan-persoalan sebegini menjadi daya penggerak penyelidik untuk menyelidik dengan lebih mendalam

suatu bentuk wacana naratif dalam al-Quran kerana kandungannya banyak mempunyai kisah yang terdahulu dan akan datang (Amal Riyadh, 2016).

Salah satu bentuk wacana naratif yang terdapat dalam al-Quran adalah wacana naratif para rasul yang diletakkan bersama dalam sesebuah surah, iaitu wacana naratif lima rasul yang terdiri daripada wacana naratif Nabi Nuh AS, Nabi Hud AS, Nabi Salih AS, Nabi Lut AS dan Nabi Syuaib AS yang terletak dalam tempatnya yang pertama dalam surah al-A`raf. Surah ini terkenal kerana mempunyai kandungan penceritaan daripada awal sehingga akhir ayat. Wacana naratif ini mempunyai kelainan kerana ianya tidak diletakkan berasingan, bahkan diletakkan seiring dengan permulaan yang sama sehingga ditamatkan dengan penutup yang sama yang mengakhiri kelima-lima kisah tersebut. Keseiringan wacana naratif lima rasul ini menimbulkan paradigma inkuiri untuk mengetahui fenomena yang istimewa, lain daripada kebiasaan sesebuah kisah yang sudah terbiasa dengan pemakaian yang ketat. Fenomena seperti yang berada di luar kerangka pemakaian yang lazim mendorong inisiatif kajian ini dijalankan.

Setiap wacana naratif mempunyai struktur yang digambarkan melalui rangkaian peristiwa yang dihubungkan melalui masa dan sebab (Trapsilo 2016), turutan peristiwa dalam bentuk cerita (Sulaiman, 2017) dan penulisan naratif sebagai penulisan cerita mengenai peristiwa tertentu, pengalaman peribadi, kejadian sebenar atau rekaan (Adam, 2015). Ia biasanya ditulis dari sudut pandangan pihak pertama yang merangkumi perincian deria dan elemen menarik (Hapsari dan Sukavatee, 2018).

Van Dijk (1980, 2019) menjelaskan wacana naratif memerlukan kepada pengenalan, latar tempat, latar belakang, perkembangan dan rumusan. Tompkins (2008) pula menjelaskan terdapat lima struktur penulisan wacana naratif, iaitu plot, tetapan, watak, tema dan sudut pandang. Siti Norashikin Azmi, Hanita Hasan dan Wan Farah Wani Wan Fakhruddin (2019) mengatakan kepentingan sesebuah rangka utama supaya pembaca mendapat gambaran umum yang dapat menarik minat mereka untuk turut serta dalam penceritaan sesebuah wacana naratif. Sang Ari Sulisty (2018) menerangkan, dengan kerangka umum, para pembaca lebih memahami isi kandungannya dan Titiek Fujita (2017) menjelaskan struktur utama memberikan wajah baharu dan menyapa pembaca dalam kalangan yang luas.

Setiap wacana naratif mempunyai bentuk yang tertentu dan kerangka yang berbeza, yang mempunyai aturan peristiwa dengan satu peristiwa yang berlainan secara kronologi, atau aturan berlaku kerana peristiwa sebelumnya. Kerangka utama dikenali sebagai struktur induk yang memberikan gambaran secara menyeluruh tentang sesebuah wacana naratif kerana unsurnya sentiasa berlainan dari satu wacana dengan wacana yang lain kerana kegunaannya yang berbeza mengikut kehendak narator. Struktur induk sesebuah wacana boleh dijelaskan sebagai unsur-unsur yang dipasang antara satu sama lain dengan penyambungan yang padan bagi menghasilkan kerangka luar yang lengkap.

Struktur utama adalah sangat penting dalam menentukan ciri wacana naratif yang tertentu dan membentuk genre-genre yang tersendiri. Selain itu, struktur induk yang dibina ini sangat penting untuk menghasilkan suatu kerangka yang berupaya menyerlahkan keutuhan dan keindahan serta berupaya berkomunikasi dan memberi impak kepada pendengar atau pembaca. Braddock dan Dillard (2016) menjalankan kajian meta-analisis secara empirikal dan menyatakan bahawa wacana naratif melalui struktur yang indah dan utuh, benar-benar dapat mempengaruhi kepercayaan, sikap, niat dan juga tingkah laku penonton. Van Krieken, Sanders dan Sweetser (2019) menegaskan daya tarikan awal datangnya daripada kerangka utama.

Walaupun terdapat pelbagai kerangka utama dan struktur yang dikemukakan dalam kajian wacana naratif seperti Imad (2009), Johns (1999), Hosna (2007, Johns (2011), Ismail Albayrak (2010), Ahmad 'Atā' (2007), namun wacana naratif yang berbentuk argumentatif yang melibatkan campuran ayat dialog dan ayat naratif al-Quran kurang mendapat perhatian dalam kajian yang terdahulu. Oleh itu, merujuk kepada pernyataan di atas, di sini timbul beberapa persoalan dalam penyelidikan yang akan dijalankan, iaitu apakah kerangka utama yang diguna pakai oleh kisah dalam al-Quran dalam bentuk wacana naratif ini.

Sepanjang pengetahuan yang ada pada pengkaji, teks wacana naratif yang berbentuk argumentatif dalam al-Quran kurang mendapat perhatian yang serius melalui kajian kohesi. Oleh itu, kajian ini menumpukan kepada kohesi dalam wacana naratif lima rasul dalam kisah al-Quran yang mempunyai pertentangan watak dan karakter yang membawa kepada pergolakan dan konflik. Justeru, teks wacana naratif adalah penting kerana ia merupakan teks pendidikan yang boleh mendidik setiap jiwa manusia melalui kesenian dan kehalusan bahasa dengan perkaitan kohesi secara luaran. Kajian kohesi dalam teks wacana ini amat penting untuk memastikan bahan dapat dibaca dengan mudah, mesej dapat disampaikan dengan jelas dan komunikasi dua hala berlaku serta berfungsi dengan sempurna.

Selain itu, dapatan kajian terdahulu menunjukkan kajian berkaitan kohesi tertumpu kepada perkataan sahaja yang menjadikan sesebuah teks menjadi sebuah wacana yang baik. Walau bagaimanapun, kajian ini dilakukan untuk melihat kohesi yang difokuskan dalam bentuk leksikal, frasa atau ayat yang akan menentukan bentuk kohesi yang digunakan. Penyelidikan ini bertujuan untuk memperlihatkan keunikan dan keistimewaan bentuk dan ciri kohesi yang digunakan dalam al-Quran menerusi wacana naratif lima rasul ini.

Hal ini kerana menurut al-Shenqeeti (2019), kajian kohesi yang dapat menunjukkan keistimewaan teks al-Quran, berlainan dengan teks yang lain kurang diberikan tumpuan oleh pengkaji sebelum ini. Beliau menjelaskan pada kebiasaannya, pembaca menganggap ayat yang terdapat dalam sesebuah teks diringi bersama dengan susunan yang logik, konsep yang berkaitan, semantik yang homogenus dan yang paling penting adalah merasai kesinambungan idea yang menjadi teras dalam sesebuah teks dengan cara yang istimewa.

Sedigheh Samadian (2019) dan Halliday dan Hasan (1976) menegaskan bahawa penyumbang utama kepada kesatuan teks adalah melalui hubungan semantik dan sintaksis antara pasangan unsur yang dihubungkan dengan ikatan kohesi. Mereka menyatakan kohesi tidak mementingkan makna teks dan tidak membawa kepada aliran global teks yang merentasi setiap perenggan. Selain itu, kajian kohesi terdahulu dilakukan menggunakan kaedah secara kuantitatif dan kualitatif secara rawak dan induktif untuk melihat jumlah dan peratusan kohesi yang digunakan dalam sesebuah wacana. Namun, dalam kajian ini metodologi kajian adalah menggunakan kaedah kualitatif secara berstruktur dan deduktif yang melibatkan struktur hierarki global dan lokal.

Xhepa (2016) menjelaskan kohesi membantu memahami sesebuah karya itu sebagai sebuah teks secara manifestasi sahaja yang mempunyai ayat yang berkait atau tidak. Kohesi tidak merungkaikan makna teks disebalik satu-satu kohesi seperti dinyatakan Halliday dan Hasan (1976) iaitu, "*cohesion does not concern what a text means; it concerns how the text is constructed as a semantic edifice.*"

Tierney dan James, (1981) juga menjelaskan sistem analisis kohesi Halliday dan Hasan (1976) mempunyai ciri yang khusus dan beliau sendiri mengakui bahawa kohesi hanya mewakili sifat sesebuah teks yang tidak berstruktur. Beliau menyimpulkan bahawa kohesi teks, seperti yang didefinisikan Halliday dan Hasan (1976) tidak mempunyai hubungan penyebab dan kaitan dengan koheren teks.

Di samping itu, perkaitan sinonim hanya merujuk kepada makna yang sama atau hampir sama dan tidak lebih daripada itu. Begitu juga perkaitan antonim yang memberikan makna yang berlawanan. Kedua-dua perkaitan ini menyangkut antara satu sama lain dan membentuk binaan semantik, dan tidak mementingkan apakah maksud seterusnya disebalik sinonim atau antonim tersebut. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk mewujudkan makna yang berada disebalik setiap kohesi yang terdapat dalam wacana naratif al-Quran yang melibatkan linguistik bahasa Arab.

Maan dan Thompson (1987) menerangkan teori koheren berasaskan struktur teks yang dibentuk untuk mengungkapkan hubungan fungsional dalam sesebuah teks. Beliau mengembangkan teori untuk memahami sesebuah teks sebagai salah satu instrumen komunikasi. Teori koheren yang berpusatkan teks yang dibangunkan menganalisis aspek utama organisasi teks secara neutral. Ini adalah kaedah linguistik yang baik untuk menggambarkan realiti sesebuah teks, karakter strukturnya terutamanya dari segi perkaitan yang berlaku antara bahagian-bahagian dalam teks (Maan, Matthiesan dan Thompson, 1992).

Maan dan Thompson (1988) juga menjelaskan, sebagai kerangka deskriptif untuk teks, teori Struktur Retorik memaparkan gabungan ciri-ciri yang tertentu yang boleh digunakan dalam beberapa jenis kajian wacana. Ia mengenal pasti struktur hierarki dalam teks. Ia menerangkan hubungan antara bahagian teks dalam terminologi fungsional,

mengenal pasti titik peralihan perkaitan dan sejauh mana setiap item itu berkait. Teori ini memberikan analisis yang komprehensif dan bukannya komentar yang selektif. Kajian yang berorientasikan struktur teks ini secara neutral yang menggambarkan realiti sesebuah teks, perkaitan antara bahagian dalam teks secara terminologi fungsional, belum diterokai sepenuhnya dalam teks bahasa Arab.

Dengan ruang yang diberikan, kajian ini dijalankan sebagai satu inisiatif dalam mengembangkan pengetahuan sedia ada yang beralih kepada kajian koheren yang berbentuk organisasi dan struktur teks, dan bukan lagi secara rawak untuk memahami keadaan sebenar sesebuah teks yang dipilih. Di samping itu, koheren berpusatkan teks dalam wacana naratif adalah sangat penting melalui tema dan perkaitannya sebelum berlaku koheren diluar, iaitu perlakuan niat wacana naratif itu diceritakan (Muhammad Zuhair, 2017) seperti arahan, amaran atau janji yang membawa kepada berlakunya wacana.

Abdul Rauf (2019) menjelaskan kepentingan koheren yang menggambarkan aliran idea yang lancar, kejelasan dan keutuhan ini dapat dikenal pasti dengan memahami sesuatu teks secara natural. Beliau menyatakan terdapat kurangnya kajian koheren dalam teks wacana naratif al-Quran dalam perspektif linguistik moden oleh penyelidik yang terdahulu. Elhindi (2017) juga menjelaskan penyelidikan koheren menggunakan teks al-Quran dapat menimbulkan disiplin linguistik tradisional yang lama seperti retorikal dan stilistik yang dapat dipadankan dengan teori linguistik baharu. Beliau mencadangkan penerokaan kajian yang meluaskan makna koheren menerusi teks al-Quran adalah dialu-alukan untuk menjelaskan ciri yang berlainan yang terdapat di dalamnya berbanding teks lain, lebih-lebih lagi dalam keadaan dunia penyelidikan berada dalam kerancangan teori linguistik moden.

Penyelidikan berkaitan kohesi dan koheren berpusatkan teks seperti dinyatakan Mohd Azidan Abdul Jabar dan Ab. Halim Mohamad (2017) adalah sangat penting dalam setiap wacana. Kekurangan kohesi menyebabkannya mengalami keretakan dan tidak bersinambungan dalam karya dan seterusnya tidak boleh dianggap sebagai sebuah teks. Tanpanya, komunikasi yang berlaku melalui wacana lisan ataupun tulisan menjadi komunikasi yang terencat dan tiada kejelasan.

1.3.1 Kajian Oreantalis Barat Berdasarkan Koheren dalam al-Quran

Berdasarkan konsep kohesi dan koheren, beberapa pengkaji orientalis barat seperti Carlyle (2013) menyatakan komposisi al-Quran menjemukan. Pembaca al-Quran di Eropah mendapati al-Quran membosankan Nicholson (1969:65) dan tidak menarik serta sebagai bacaan yang berat dan sukar, menjemukan, membosankan, bercampur aduk serta mengelirukan, tidak mempunyai keutuhan idea dan fikiran dan himpunannya berkecamuk (Carlyle, 1971 dan Gibb, 2006). Ayat-ayatnya adalah susunan yang tidak berkait (Watt dan Bell, 1977, Merills dalam Muntasir, 1983). Pembaca bukan Islam yang

membacanya buat kali pertama, mendapati al-Quran tidak mempunyai perkaitan (Brown, 2009:51 dan Stearn, 2012: 275).

Sehubungan itu, kajian ini dijalankan untuk membuktikan sebaliknya, iaitu kisah dalam al-Quran adalah wacana naratif yang unggul dan mempunyai struktur yang kuat dan kukuh, yang dibentuk daripada beberapa elemen dan elemen tersebut memainkan peranan sebagai tonggak utama yang menyokong pembentukan setiap struktur. Penyelidikan ini bertujuan untuk memperlihatkan struktur kisah al-Quran dan elemennya mempunyai perkaitan yang amat rapat dan menjadikan kisah dalam al-Quran sebagai bahan bacaan yang menarik dan tidak membebankan.

1.4 Persoalan Kajian

Persoalan kajian yang dikenal pasti adalah seperti berikut.

- 1.4.1 Apakah bentuk struktur kisah lima rasul dalam surah *al-A'raf*?
- 1.4.2 Bagaimanakah jenis kohesi leksikal digunakan menjadi unsur pematik yang menyokong keutuhan idea untuk membentuk wacana naratif yang unggul?
- 1.4.3 Bagaimanakah corak dan jenis kohesi leksikal dikaitkan dengan makna koheren dalam setiap struktur untuk mempamerkan keutuhan wacana?

1.5 Objektif Kajian

Objektif yang dikenal pasti daripada persoalan kajian ialah seperti berikut:

- 1.5.1 Mengenal pasti struktur wacana naratif lima rasul dalam surah *al-A'raf*.
- 1.5.2 Menganalisis jenis kohesi leksikal dalam setiap struktur wacana naratif yang dibentuk untuk mempamerkan keutuhannya.
- 1.5.3 Merumus jenis kohesi leksikal yang digunakan dalam koheren yang dibentuk dalam setiap struktur wacana naratif lima rasul.

1.6 Kepentingan Kajian

Al-Quran mengandungi sebahagian besar kisah sebagai unsur utama (Amal Riyadh, 2016) yang tidak selalu disebut secara keseluruhan, sebaliknya bahagian penting dalam cerita sahaja yang sering ditonjolkan (Munirul Ikhwan, 2010). Kisah dalam al-Quran merangkumi babak akhir, iaitu pengakhiran yang baik dan yang mengerikan dalam bentuk naratif linguistik artistik, estetik (Amal Riyadh, 2016), dan boleh didapati dalam

pelbagai bentuk dengan menggunakan dialog dan watak yang dramatik dan sangat menyentuh jiwa, dengan kekuatan sensual, kognitif dan imaginatif (Asyiqin, 2016).

Dengan itu, kajian ini mempunyai beberapa kepentingan; pertama, teks wacana naraif sebagai bahan kajian dapat diangkat dan diletakkan sebagai pilihan utama teks pendidikan. Hal ini kerana penceritaan dalam al-Quran melalui tiga peringkat, iaitu cerita itu sendiri, interaktif serta komunikatif dan norma sosial seperti yang dinyatakan Wolgemuth dan Agosto (2019). Di samping itu, pengorganisasiannya adalah baik, kualiti kejelasan yang tinggi dan ketepatan yang padu seperti yang disarankan Veneziano dan Nicolopoulou (2019) dan mempunyai struktur yang mengorganisasi setiap kandungan, bermula dengan makrolinguistik seperti dihuraikan Stewart (2004).

Kedua, kajian ini juga penting kerana prinsip dan etika dalam setiap ketamadunan dapat dikemukakan, berfungsi sebagai instrumen yang kuat dalam setiap pembaharuan ketamadunan, bukan hanya dengan mempromosikan budaya belajar dan literasi, tetapi juga menyumbang kepada pengembangan dan pengukuhan integriti moral (Abdul Karim Abdullah, 2015). Kim (2016) juga menekankan pentingnya naratif dalam masyarakat setempat sebagai usaha norma untuk memelihara aspek keagamaan yang berkaitan tentang diri, masyarakat, dan bersangkutan paut dengan keadilan sosial. Wacana naratif memberi kesedaran akibat pemilihan etika yang berbeza (Halstead, 2015) dan ianya tidak hanya sebagai cerminan untuk memperbaiki keadaan sosial, tetapi juga sebagai pemangkin untuk mengubahnya (Durrani, 2015). Wacana naratif juga memuji perbuatan kebaikan dan mencemooh perbuatan jahat (Barazangi et al., 2015), merangsang serta memperkuatkan pemikiran dan naluri manusia, dan mempraktikkan perkara yang indah (Akbar Salehi, 2016).

Ketiga, kajian ini juga mempunyai kepentingan melalui struktur wacana naratif lima rasul, dengan memberikan sumbangan kepada pengembangan metodologi dan pembentukan modul penulisan penceritaan yang berbentuk argumentatif. Struktur yang dikenal pasti daripada wacana naratif lima rasul ini dapat dijadikan panduan dan ukuran dalam membentuk penulisan yang baharu yang segar dan berkesan. Hal ini kerana metodologi penceritaan yang dibawa adalah unik yang didedahkan dengan kefasihan dan kesopanan bahasa yang tinggi serta mengandungi nilai yang penting dan memberikan kesan signifikan kepada pembaca (Munirul Ikhwan, 2010).

Keempat, wacana naratif lima rasul ini juga memberikan panduan berbahas dengan berkesan menggunakan ayat dan perkataan yang berkohesi dan berkoheren, berkaitan dengan hakikat dan realiti sebenar kehidupan beserta dengan bukti dan fakta yang tersedia di hadapan mereka. Kesemua teknik berbahas-bahasan ini dapat diambil daripada wacana naratif lima rasul yang menggunakan kohesi dan koheren yang unik dan kukuh sebagai panduan ke arah teknik berhujah dengan bijaksana.

Kelima, kajian ini juga mempunyai nilai dalam menambah khazanah dalam mengembangkan teori yang sedia ada sama ada dalam bidang kohesi atau koheren.

Dapatan daripada kajian ini dapat dijadikan sebagai indeks *database* berkaitan dengan kohesi dan koheren yang terdapat dalam lima kisah utama ini yang terdapat di setiap penjuru dan sudut al-Quran. Menurut Masadeh (2019), wacana tulisan dapat digunakan sebagai medium berkomunikasi dengan audiens daripada pelbagai latar belakang. Navratilova, Miššiková dan Povolná (2017) juga menegaskan kepentingan keduanya yang telah dikenali dalam kajian linguistik teks yang dijadikan tempat rujukan.

Keenam, kohesi dan koheren adalah penting dalam wacana tulisan untuk menjadikannya kelihatan nyata dan indah melalui alat yang menghubungkan teks yang membantu pembaca mengenali bagaimana teks yang berbeza disusun, saling terhubung secara fungsional dan semantik (Connor, 1996, 49). Emah dan Omachonu (2018), menjelaskan wacana tulisan tidak seperti wacana pertuturan. Peranan kohesi dalam teks menjadikan teks itu jauh lebih baik difahami dan banyak kajian empirikal mengenai topik tersebut (McNamara, Louwerse, McCarthy, & Graesser, 2010). Peningkatan kohesi teks memudahkan pemahaman teks bagi kebanyakan pembaca (Gernsbacher, 1990) dan sangat penting bagi pembaca dengan pengetahuan yang rendah (McNamara, Kintsch, Butler-Songer, dan Kintsch, 1996).

Ketujuh, kajian wacana naratif lima rasul ini juga penting kerana ianya dapat membezakan antara pemahaman dan konsep antara kohesi dan koheren. Kohesi teks adalah sub-elemen koheren. Ini adalah perkara penting yang menentukan mekanisme eksplisit yang menyimpan idea yang berbeza dalam teks disusun secara bersama (McCulley, 1985). Emah dan Omachonu (2018) menjelaskan kohesi memberi petunjuk kepada pembaca untuk mengetahui kekoherenan sesebuah teks. Indah Wardaty (2015) pula mengatakan bahawa kohesi bertujuan untuk menggambarkan isi kandungan sesebuah teks yang dapat diikuti pembaca, dan menulis secara koheren memerlukan kebiasaan bersama dengan genre, pilihan dalam memilih topik, menyusun fikiran secara logik sehingga meninggalkan kesan bersama (Zergollern-Miletić, dan Horváth, 2009). Teks menjadi koheren apabila pembaca mengetahui fungsi setiap unit teks dan berjaya mengembangkan makna keseluruhan (Alarcon dan Morales, 2011).

Walaupun terdapat andaian bahawa koheren adalah aspek penulisan yang penting, beberapa kajian mendokumentasikan anggapan serta mengaitkan konsep koheren dengan ciri-ciri linguistik eksplisit yang terdapat dalam sesebuah karangan (Crossley, McNamara dan Danielle, 2010). Bain (1890) menjelaskan koheren adalah hubungan antara ayat yang membentuk perenggan yang berstruktur serta tersusun rapi dan bebas. Kajian wacana naratif lima rasul mempunyai kepentingan dalam menyerlahkan maksud, maklumat yang perlu difahami pembaca kerana wacana tulisan bukan untuk diri penulis, tetapi untuk pendengar atau pembaca. Oleh itu, wacana penulisan yang dihasilkan haruslah difahami, serta maklumat dan idea yang hendak disampaikan dapat disalurkan dengan berkesan (Garing, 2013).

1.7 Skop dan Batasan Kajian

Kajian ini dibataskan dengan memilih surah *al-A'rāf* kerana surah ini merupakan surah yang terawal yang mengandungi pelbagai kisah bermula dari awal hingga akhir. Pemilihan surah ini juga dibuat berdasarkan surah pertama yang mengisahkan Nabi Nuh AS, Nabi Hud AS, Nabi Salih AS, Nabi Lut AS dan Nabi Syuaib AS dengan kaum-kaum mereka (al-Nabulsi, 2006). Al-Khalidi (1998) menjelaskan nama kelima-lima nabi telah disebut dalam surah sebelum ini secara sepintas lalu tanpa sebarang perincian. Selain itu, kisah-kisah mereka juga dinyatakan dalam surah-surah yang berada selepas surah *al-A'rāf* ini seperti surah *Yūnus* dan *Hūd*.

Surah *al-A'rāf* adalah surah *Makkiyah* yang diturunkan di Mekah dan surah yang ketujuh dalam susunan surah al-Quran yang mengandungi 206 ayat. Hanya lapan ayat yang bermula dari ayat 163 hingga 170 adalah ayat Madaniyyah yang diturunkan selepas surah *Ṣād* (al-Razi, 1995 dan al-Zamaksyariy, 1997). Surah ketujuh ini berada selepas surah *al-An'ām* dan sebelum surah *al-Anfāl*.

Wacana naratif lima rasul dalam surah ini yang melibatkan 46 ayat dipilih sebagai bahan kajian kerana pemakaian wacana naratifnya menggunakan bahasa yang sangat komunikatif yang dapat diterima sepanjang zaman. Keistimewaan wacana naratifnya dari segi bahasa merupakan keunikan yang paling utama yang menunjukkan keunggulan bahasa dan keterikatannya Toto Edidarmo (2014) yang diturunkan untuk berpesan-pesan untuk diterima secara utuh dan menyeluruh Shihab (2004). Wacana naratif dalam al-Quran memilih suatu pemakaian yang tidak lazim, seakan-akan tanpa keteraturan dan sebaliknya penyelidik yang tekun mempelajarinya menemukan keserasian hubungan yang mengkagumkan, sehingga kesan yang tadinya terlihat ketakterikatannya berubah menjadi kesan yang terungai indah (Shihab, 2004)

Di samping itu, wacana naratif lima rasul ini dipilih untuk mengetahui justifikasi dan sebab dihimpunkan bersama kelima-lima kisah tersebut dan apakah keunikannya disertakan bersama, sedangkan dalam mana-mana penceritaan wacana naratif kebiasaannya dikisahkan secara berasingan. Adakah kemungkinan terdapat perkaitan dan pertalian di antara kelima-lima kisah ini?. Penyelidikan ini akan merungkai keunikan lima kisah tersebut yang diceritakan secara seiring.

Tafsir Pimpinan Ar-Rahman karya Abdullah Basmeih (1983), kitab tafsir *Mafātīh al-Ghayb* karya al-Razy, (1995), dan Tafsir al Munir karya al-Zuhaily (2009) dijadikan bahan sokongan untuk memahami teks wacana naratif lima rasul dalam surah *al-A'rāf*. Ketiga-tiga kitab tafsir tersebut membincangkan berkenaan linguistik dan logik yang dibahaskan bersama hukum syariah dan teologi Dewi Murni (2020). Abdurrahman Rusli Tanjung (2018) menjelaskan kitab tafsir *Mafātīh al-Ghayb* adalah tafsir yang berkaitan dengan *ilmu munasabat*, iaitu tafsir *lughawiy* yang lebih menekankan pada aspek korelasi antara ayat atau surah.

Tafsir linguistik yang menggunakan pemikiran logik ini digunakan untuk menunjukkan betapa pentingnya linguistik sebagai pengantar dalam memahami al-Quran yang merupakan bahasa yang penuh dengan makna. Ianya memberikan gambaran tentang bahasa Arab dari aspek penyusunannya (Abdurrahman Rusli Tanjung, 2018) serta mengetahui makna-makna sulit dengan pengetahuan *uslub* (gaya) bahasa Arab (Dewi Murni, 2020). Ahmad Syukri Saleh (2007) juga menjelaskan tafsir linguistik dapat mengikat penyelidik al-Quran dalam bingkai teks ayat-ayat al-Quran dan membatasinya daripada terjerumus ke dalam subjektif yang berlebihan.

Wahyu Hanafi (2017), menjelaskan pendekatan semantik al-Quran memberikan banyak sumbangan dalam memahami pesan Tuhan. Sebagaimana al-Quran memiliki piawai dalam menempatkan kata pada tempatnya dan dalam tema yang dikehendaknya, ia juga memiliki keistimewaan dan keindahan dalam memilih, memelihara dan membezakan perkataan. Perkataan yang sinonim tidaklah hanya menunjukkan makna yang sama semata-mata, tetapi juga menunjukkan makna berbeza-beza. Syihabuddin Qalyubi (2013) juga menjelaskan betapa penting penyelidikan semantik dalam memahami al-Quran agar maksud dapat dicapai.

Kajian dalam penyelidikan ini menumpukan kepada aspek struktur bagi setiap kisah wacana naratif lima rasul ini. Selain itu, aspek yang difokuskan juga kepada elemen yang terdapat dalam setiap struktur melalui perkaitan kohesi leksikal yang menghubungkan setiap ayat dan perenggan. Aspek ketiga yang ditumpukan adalah makna dan maksud yang dibawa oleh setiap perkaitan kohesi leksikal.

Teori yang digunakan dalam analisis wacana naratif lima rasul ini menggunakan Teori Kohesi Halliday dan Hasan (1976). Sarana kohesi sebagaimana yang dikemukakan oleh Tarigan (2009:94) dengan berpandukan kepada pendapat Halliday dan Hasan (1976) yang meliputi gramatikal dan leksikal. Secara gramatikal, kohesi meliputi kata ganti nama, substitusi, elipsis, dan kata hubung. Secara leksikal, kohesi meliputi kolokasi, hiponim, antonim, sinonim dan pengulangan.

Walaupun begitu, dalam kajian ini Teori Kohesi Halliday dan Hasan (1976) difokuskan kepada leksikal sahaja. Menurut Hoey (1991:10), ikatan padu yang paling penting ialah leksikal dan pengajian dalam bidang kohesi dalam sesebuah teks adalah suatu pengajian tentang pola leksikal di dalamnya. Kohesi leksikal memainkan peranan penting dalam perkembangan teks tematik dan menyumbang kepada koheren yang dikehendaki (Hublová, 2017). Di samping itu, Teori Struktur Retorikal (RST) Mann dan Thompson (1988) diaplikasikan untuk merumus corak elemen kohesi leksikal dengan makna koheren yang tertentu yang dibentuk dalam setiap struktur wacana naratif lima rasul. Renkema (2004) menegaskan Teori Struktur Retorikal ini merupakan teori yang lengkap dan sempurna, dan sesuai bagi setiap teks yang berbeza dan belum diuji secara menyeluruh dalam sistem bahasa Arab.

1.8 Definisi Operasional

Bahagian ini menjelaskan maksud dan makna yang berkaitan istilah yang digunakan.

1.8.1 Wacana Naratif

Ryan (2007), menerangkan naratif adalah berkaitan penyelesaian masalah dan berkenaan konflik, mengenai hubungan interpersonal dan pengalaman manusia yang berkenaan dengan kewujudan sementara, yang diwakilkan beberapa peristiwa, yang membentuk wacana naratif (Abbott, 2002). Cerita adalah terdiri daripada beberapa peristiwa atau urutannya atau perlakuannya yang dipersembahkan Genet (1982), atau persembahan yang diwakilkan oleh satu atau lebih peristiwa yang benar atau fiksiyen yang disampaikan oleh narator kepada audiens (Prince, 2003).

1.8.2 Struktur

Struktur merujuk kepada hubungan antara komponen keseluruhan yang teratur yang dapat digunakan untuk segalanya (Gholam, Maryam, dan Aghdas, 2016) seperti tubuh manusia adalah struktur yang terdiri daripada hubungan antara tulang, organ, darah dan tisu (Johatch, 2014). Begitu juga dalam teks bertulis, alat formal, iaitu penyuntingan seperti perenggan, bahagian, bab, membantu menghasilkan struktur dan mengorganisasikan kandungan (Talhadas, Mamede dan Baptista, 2016). Langer (2013) mengatakan struktur bagi setiap perkara adalah cara dan teknik meletakkan sesuatu secara bersama dan menyatukannya pada peringkat kerangka utama.

1.8.3 Kohesi

Halliday dan Hasan (1976:8) menjelaskan konsep kohesi adalah hubungan makna yang wujud dalam sesebuah teks bagi membolehkannya dinamakan sebagai wacana dan hubungan ini melibatkan dua atau lebih unsur dalam sesebuah teks, iaitu unsur yang membayangkan (*presupposing element*) dan unsur yang dibayangkan (*presupposed element*). Kohesi memfokuskan pada petunjuk manifestasi sesebuah teks (Beaugrande dan Dressler, 1981) yang membantu pembaca membina perhubungan makna (Foltz, 2007) dan melaluinya pembaca dapat melihat hubungan semantik antara ayat-ayat tersebut Suwandi (2016).

Peranti linguistik yang diletakkan dalam teks bagi memudahkan tugas pembaca untuk mengetahui makna dalam sesebuah teks (Hannay, Mackenzie, dan Wekker, 1996). Halliday dan Hasan (1976:8) membahagikan kohesi kepada dua, iaitu nahu dan leksikal. Hanya leksikal seperti pengulangan monosemi, meronimi, sinonim, antonim, superordinat dan kolokasi yang digunakan dalam kajian ini.

1.8.4 Koheren

Koheren ialah hubungan idea dalam teks (Hannay, Mackenzie dan Wekker, 1991) yang dikaitkan dengan kebolehtafsiran wacana (Anderson, 1995), yang merujuk kepada hubungan representasi teks dalam fikiran pembaca atau pendengar (Graesser, McNamara dan Louwerse, 2003). Koheren merujuk kepada hubungan makna yang mendasar yang dapat dicerminkan daripada ciri-ciri permukaan teks (Beaugrande dan Dressler, 1981), menerusi setiap ayat, perenggan yang dilekatkan bersama untuk membentuk kesatuan teks dan wacana yang dapat difahami (Suwandi, 2016).

Mann dan Thompson (1988) mendapati daripada kajian beliau, terdapat koheren yang beroreantasikan teks seperti elaborasi (*elaboration*) sebab (*cause*), kesudahan (*result*), kondisi (*condition*), pernyataan semula (*restatement*), kontra (*contrast*), interpretasi (*interpretation*), kesimpulan (*summary*), tujuan (*purpose*), sekuen (*sequence*), latar belakang (*background*), bukti (*evidence*), justifikasi (*justification*).

1.9 Kesimpulan

Secara umum, bab ini merupakan pengenalan kepada kajian yang dijalankan dan menjelaskan perkara yang berkaitan dengan hala tuju kajian pengkaji. Perkara asas yang merangkumi latar belakang, pernyataan masalah, persoalan, objektif, kepentingan, batasan kajian dan definisi operasional dirungkai dengan menggunakan pandangan dan maklumat daripada kajian sarjana terdahulu. Maklumat yang berkaitan dengan kohesi dan koheren merupakan isu yang sangat penting dalam wacana naratif argumentatif untuk memahami mesej yang hendak disampaikan. Sorotan karya berkaitan dengan kohesi, koheren dan struktur akan dibincangkan dalam bab 2.

RUJUKAN

- Abbott, H.P. (2002). *The Cambridge Introduction to Narrative*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Abdul Karim Abdullah. (2015). Educational Role of Literature in Islam. *Islam And Civilisational Renewal Icr Journal*. 6 (3).
- Abdul Raouf, H. (2019). *Text Linguistic of Quranic Discourse: An Analysis*. London & New York: Routledge.
- Abdullah Basmeih Muhammad Basmeih. (1983). Tafsir Pimpinan Ar-Rahman. Kuala Lumpur: Bahagian Ugama, Jabatan Perdana Menteri.
- Abdullah Muḥammad Darrāz., (1980). *Al-Naba` al-`Azīm: Naḥrāt Jadīdat̃ fi al-Qurān*. Al-Kuwayt: Dār al-Qalam.
- Abdurrahman Rusli Tanjung. (2018). Wawasan Penafsiran Alqurandengan Pendekatan Corak Lugawi (Tafsir Lugawi). *Analytica Islamica*. 3, 333-348.
- Abraham Sunday Unubi .(2016). Conjunctions in English: Meaning, Types and Uses. *International Journal of Social Science and Humanities Research*. 4 (3), Pp: (202-213).
- Adam, A. A. S. (2015). Developing EFL Learners' Narrative Writing Through Using Short Stories - The Case of Al-Baha University Students. *European Journal of English Language and Literature Studies*, 3(4): 1–8..
- Aḥmad `Aṭā'. (2007). *Sūrat̃ Yūsuf Qirāat̃ Tah̃līliyyat̃*. Kaherah, Mesir: Dār al Ghārib li al-Ṭibā`at̃ wa al-Nasyr wa al-Tauzī`.
- Ahmad Fikri Husin. (2010). *Wacana Cerita dalam al-Qur'an: Satu Kajian dalam Surah al-Kahf*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Aḥmad Muḥammad al-Qadūr. (1995). *Mabādi' al-Lisāniyyat̃*. Beirut: Dār al-Fikr al-Mu`āsir.
- Aḥmad Mukhtār. (1988). *Ilm al-Dilālat̃*. Kaherah: `Ālam al-Kutub.
- Ahmad Naqiyuddin Bakar. (2008). *Towards a New Mode of Governance in Malaysia: Policy, Regulatory and Institutional Challenges of Digital Convergence*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, tidak diterbitkan. Universiti Hull.
- Ahmad Syukri Saleh. (2007). *Metodologi Tafsir al-Quran Kontemporer dalam Pandangan Fazlur Rahman*. Front Cover. Jambi: Sulthan Thaha Press.

